

Dr. Mahathir mohon saman dikemuka Anwar dibatal

UM - 6/1/2007

KUALA LUMPUR 5 Jan. - Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini memfailkan permohonan untuk membatalkan saman fitnah yang dikemukakan terhadapnya hampir setahun lalu oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Anwar menyaman bekas Perdana Menteri itu bagi menuntut ganti rugi yang tidak ditetapkan jumlahnya kerana mendakwa Dr. Mahathir memfitnahnya dalam satu sidang akhbar di Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhamkam) pada 9 September 2005.

Dr. Mahathir memohon membatalkan saman tersebut kerana ia adalah mengaibkan, remeh dan menyusahkan serta penyalahgunaan proses mahkamah di samping tidak mendedahkan sebarang kausa tindakan yang munasabah terhadapnya menurut Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980.

Permohonan tersebut difailkan oleh Dr. Mahathir melalui firma guaman, Tetuan V.K. Lingam & Co. di Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi di sini.

Dr. Mahathir turut memfailkan affidavit setebal 56 muka surat bagi menyokong permohonannya itu.

Saman Anwar terhadap Mahathir dijadualkan disebut untuk pengurusan kes di Mahkamah Tinggi di sini, pada 9 Januari ini.

Melalui pernyataan tuntutan dalam saman yang difailkan pada 27 Januari

tahun lalu, Anwar selaku plaintif mendakwa, Dr. Mahathir secara salah dan berniat jahat apabila bercakap mengenai kelakuan dan plaintif (Anwar) sebagai seorang bekas Timbalan Perdana Menteri.

Anwar mendakwa, defendan melafazkan kata-kata itu dengan niat untuk merendah-rendahkan dirinya secara peribadi dan rasmi termasuk dalam kapasitasnya sebagai bekas Menteri Kewangan dan bekas Timbalan Perdana Menteri.

Dr. Mahathir dalam pernyataan pembelaan yang difailkan pada 14 April tahun lalu pula menyatakan, beliau berada dalam keadaan keistimewaan bersyarat semasa menyatakan perkataan-perkataan tersebut.

Menurutnya lagi, perkataan-perkataan itu diterbitkan adalah atas kerisauan dan minat umum tentang tingkah laku beliau berhubung hak asasi manusia terutamanya mengenai layanannya terhadap Anwar dan sebab-sebab bagi layanan sedemikian.

Dalam permohonannya hari ini, Dr. Mahathir memberi alasan bahawa tindakan saman itu adalah penyalahgunaan proses mahkamah atas sebab isu estoppel (dihalang daripada membangkitkan perkara yang sama buat kali kedua).

Isu itu timbul berikutan sabitan dan

pengakuan bekas penulis ucapan Anwar, Dr. Munawar Ahmad Anees, sabitan adik angkat Anwar, Sukma Darmawan Saasmitaat Madja dan sabitan bekas pemandu isterinya, Azizan Abu Bakar dalam aktiviti-aktiviti yang didakwa tidak bermoral dengan plaintif.

Dr. Mahathir juga memberi alasan berhubung penemuan fakta kehakiman oleh Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Kamalanathan Ratnam berhubung tuntutan fitnah yang difailkan oleh plaintif kepada defendan pada tahun 1999 yang dikekalkan oleh Mahkamah Rayuan.

Beliau menyatakan tindakan saman Anwar itu adalah satu cubaan oleh plaintif untuk melitigasikan semula isu-isu yang sama dan secara alternatif, ia adalah sama secara substantif dengan subjek dalam saman fitnah Anwar terhadap beliau pada tahun 1999.

Dr. Mahathir juga menyatakan, perkataan-perkataan yang diadukan itu adalah jelas selepas mengambil kira sabitan Munawar dan Sukma serta penemuan Mahkamah Persekutuan pada 2 September 2004.

Perkataan-perkataan itu juga, dakwa beliau, diucapkan atas keadaan perlindungan bersyarat dan tidak mendedahkan apa-apa niat jahat terhadap defendan serta merupakan komen yang berpatutan atas perkara kepentingan awam.